

27/09/2000

Kenyataan Lee tidak gugat kerjasama MCA, Umno

TAN Sri Lee San Choon perlu menjawab kenyataan Penasihat DAP, Dr Chen Man Hin yang tidak bersetuju dengan kenyataan bekas Presiden MCA itu bahawa orang Melayu tidak mengundi beliau pada pilihan raya 1982. Dr Chen yang secara langsung terbabit dalam pertarungan hebat itu, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pergi berkempen untuk memastikan kemenangan calon BN di Seremban terutama Lee yang menentang Dr Chen. Jadi, apakah motif Lee mengada-adakan perkara yang tidak benar seperti dinyatakan dalam temuramah dengan edisi bahasa Cina majalah Asiaweek, 4 September lalu. Jika Lee kalah dalam pertandingan itu, mungkin cerita yang lebih buruk pula diceritakan. Hakikatnya, Dr Chen sendiri mengakui beliau begitu yakin mengalahkan Lee, jika bekas Presiden MCA itu tidak mendapat sokongan orang Melayu. Di Malaysia ini, tidak banyak kerusi yang boleh dimenangi kaum lain, kecuali di kawasan bandar, tanpa bantuan pengundi Melayu. Begitu juga, di sesetengah tempat, orang Melayu tidak boleh menang besar tanpa sokongan kaum lain terutama apabila berlaku pertandingan antara calon Umno dengan Pas. Prinsip Barisan Nasional (BN) membuktikan kerjasama antara kaum adalah formula paling berkesan untuk menumpaskan parti lawan. Pengundi lebih mengutamakan parti, bukan calon semata-mata.

Lee sepatutnya menarik balik kenyataannya kerana ia menyinggung perasaan pengundi di kawasan Parlimen Seremban yang mengundi beliau. Dilihat daripada bilangan undi yang diperolehi Dr Chen, jelas membuktikan Lee sendiri tidak mendapat undi kaum Cina. Undi Melayu memastikan Lee menang dengan memastikan kemenangannya walaupun dengan 845 undi.

Jika diimbangi kembali peristiwa 18 tahun lalu itu, ramalan umum ketika itu jelas menunjukkan siapa saja yang menang dalam pilihan raya kawasan Parlimen Seremban adalah dengan majoriti kecil. Malah, ramai juga pihak meramalkan Lee akan tewas. Menyedari kepentingan persaingan dan imej BN, kempen besar-besaran dijalankan oleh semua parti komponen BN. Umno sendiri menjalankan kempen dari rumah ke rumah pengundi Melayu untuk memastikan mereka memilih Lee. Mungkin ada perkara menyebabkan Lee terbuku di hati hingga menyebabkan beliau mengeluarkan kenyataan di luar jangkaan itu. Sekiranya ada perkara mengecewakan Lee, ia tidak perlu lagi diungkit sekarang. Umno juga tentu ada perkara yang tidak puas hati ketika Lee menerajui MCA tetapi perkara itu sudah dilupakan. MCA hari ini terbukti mendapat sokongan masyarakat Cina manakala orang Melayu juga tidak mempunyai masalah besar dengan MCA. Kenyataan Lee tidak boleh menggugat kerjasama begitu erat yang wujud antara MCA dengan Umno serta parti komponen lain.

(END)